

# Umno Sabah terus berjuang

## Kepentingan rakyat diutamakan

Oleh Lichong Angkui

**I** BARAT remaja meniti usia 15 tahun, Umno Sabah kini semakin matang dan dewasa.

Malah, anak bongsu Umno ini sudah mempunyai keluarga besar sendiri, hampir menyamai Umno Johor yang menjadi tempat kelahiran parti selepas mengharungi pelayaran merentasi Laut China Selatan.

Kembara awal yang sering dilambungkan ombak mencemaskan itu ternyata membawa obor pengharapan yang kini cerah menerangi seluruh pelosok Sabah.

Benarlah perumpamaan yang pernah diungkap pemimpin veteran Sabah bahawa kemasukan Umno ke negeri ini ibarat perpindahan ke kapal besar yang mampu mengharungi ombak ganas di lautan luas.

Hari ini, Umno bukan saja berjaya mententeram dan menenangkan suasana politik 'pendulum' Sabah dengan menunjangi Barisan Nasional (BN) selaku parti memerintah, tetapi turut membawa kemajuan serta kesejahteraan hidup kepada masyarakat berbilang kaum.

Kemasukan Umno ke Sabah sarat dengan misi penting, antaranya:

- Membina kekuatan politik dan ekonomi.
- Memperkukuh kesatuan bangsa dan negara.
- Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.

Secara hakiki, kekuatan Umno Sabah dibuktikan menerusi dua pilihan raya negeri, iaitu pada 1999 dan terbaru pada 2004. Dalam kedua-dua ujian itu, Umno membuktikan keampuhannya sebagai 'tiang

seri' rumah besar BN negeri, sekali gus menangkis hujah nakal pembangkang.

Pada pilihan raya umum 2004 misalnya, Umno menyapu bersih semua kawasan yang diperuntukkan kepadanya, selain mencapai kemenangan 100 peratus di semua kawasan Parlimen dan negeri yang ditandingi.

Umno Sabah kini mempunyai 32 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan 13 Ahli Parlimen. Dari segi keahlian, perangkaan (setakat September 2003) menunjukkan Umno Sabah mempunyai 427,610 ahli daripada 5,322 cawangan seluruh negeri.

Ketua Menteri merangkap Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata keputusan Umno mengembangkan sayap ke negeri ini adalah langkah bijak dan bertepatan, dengan mengambil kira kepentingan masa depan rakyat serta negara.

"Kalau bukan kerana Umno, tidak mungkin kita menikmati kestabilan politik dan kemajuan yang semakin pesat," katanya dalam satu pertemuan khas di Kota Kinabalu.

Musa yang dilantik menerajui Umno Sabah pada 28 September 2001 mengakui Umno membawa banyak perubahan, termasuk dari segi persepsi politik rakyat negeri ini.

Katanya, pemikiran rakyat Sabah kini semakin terbuka dan bersifat pragmatik lantaran misi Umno untuk menasionalisasikan pemikiran politik masyarakat majmuk di Sabah.

Keadaan itu, tegas beliau, membolehkan Umno diterima semua kelompok masyarakat Bumiputera



**MESRA RAKYAT:** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diiringi Musa bersalaman dengan orang ramai yang menyambut ketibaannya. Kedatangan Abdullah menyemarakkan lagi Umno di Sabah.

Sabah, termasuk Bumiputera bukan Islam yang dengan jelas merentasi batas agama dan budaya.

Ini terbukti dengan keahlian Umno Sabah dari pelbagai suku, termasuk sebahagian kelompok sino-Kadazan. Malah, bahagian Penampang diketuai oleh pemimpin berketurunan Kadazan.

Umno bertapak secara rasmi di Sabah pada 21 Februari 1991. Tidak lama selepas itu, Umno 'melahirkan' anak sulungnya iaitu DUN Usukan (di daerah Kota Belud) menerusi pilihan raya kecil 11 Mei 1991.

Pilihan raya kecil itu diadakan selepas DUN Sabah mengisytiharkan kekosongan kerusi berkenaan pada 18 Mac 1991 berikutan tindakan wakilnya, Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun meletak jawatan daripada Usno dan menyertai Umno.

Mustapha menang majoriti 2,492 undi - memperoleh 5,672 undi berbanding lawannya 3,180 undi. Selepas sejarah terukir di Usukan, sebuah batu peringatan kemenangan pertama Umno itu dibina di Kota Belud pada 12 September 1991.

Kini Umno terbukti berjaya mewujudkan kestabilan politik yang menjadi landasan untuk meneruskan program pembangunan rakyat.

Umno Sabah mengharungi beberapa fasa peralihan sejak era penaja, bermula dengan Allahyarham Tun Ghafar Baba, diikuti Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Salleh Said Keruak dan Datuk Seri Osu Sukam, sebelum Musa mengambil alih.

Selain itu, beberapa tokoh Umno turut terbabit membawa Umno ke Sabah dan paling utama pastinya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, selain bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohamed Rahmat, Datuk Seri Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Tan Sri

Sanusi Junid.

Menyifatkan kewujudan Umno di Sabah sebagai peristiwa politik nasional besar, Musa berkata, Umno berjaya mengangkat martabat politik, ekonomi dan sosial rakyat negeri ini sepanjang 15 tahun ia bertapak di Sabah.

"Lebih penting, parti ini terus kukuh, maju berkembang dan berpengaruh walaupun pemimpinnya silih berganti," katanya.

Beliau berkata, cabaran Umno dalam misi perjuangan di Sabah mengisi dan membuktikan komitmen membela nasib rakyat tanpa sempadan etnik, agama dan budaya.

Katanya, ia boleh dijayakan menerusi prinsip integrasi nasional, perpaduan dan permuafakatan sejati di kalangan lebih 30 kaum dan kumpulan etnik di negeri ini.

Justeru, katanya, prinsip perpaduan dalam kepelbagaian (unity in diversity) dalam Halatuju Kemajuan dan Pembangunan Sabah perlu dihayati setiap rakyat yang cinta negara.

### FAKTA NOMBOR

# 5,322

Cawangan seluruh negeri

# 427,610

Ahli (setakat September 2003)